

## **TRANSFORMASI DOKTRIN KETENTERAAN DAN IMPLIKASINYA TERHADAP KESELAMATAN NASIONAL INDONESIA ERA REFORMASI (1998-2017)**

*(The Military Doctrine Transformation and Its Implication Toward Indonesia National Security during the Reformation Era (1998-2017))*

Kushananto & Sity Daud

### **ABSTRAK**

Pada Era Reformasi, tentera Indonesia melakukan tiga kali transformasi doktrin. Doktrin ketenteraan sebelum reformasi ditetapkan pada masa Orde Baru memperkasa pelaksanaan dua peranan ketenteraan. Dalam perkembangannya, dua peranan ketenteraan tersebut telah menimbulkan penyimpangan hala terhadap sistem politik nasional dan menjejaskan profesionalisme tentera. Oleh itu, pada awal reformasi Indonesia mengalami peningkatan ancaman keselamatan nasional. Kajian ini membincangkan implikasi transformasi doktrin ketenteraan terhadap keselamatan nasional pada Era Reformasi. Kajian menggunakan metode kualitatif dengan melaksanakan temu bual semi terstruktur daripada sembilan orang informan terpilih. Data dianalisis melalui perspektif neoklasikal realism. Dapatan kajian menunjukkan doktrin ketenteraan mengalami transformasi dalam aspek organisasi, profesionalisme, perspektif ancaman dan pola operasi. Implementasi transformasi doktrin ketenteraan untuk mewujudkan keselamatan nasional ditentukan oleh persepsi kepimpinan nasional terhadap politik domestik, geopolitik serantau dan faktor sistemik serta dasar dalam pembinaan dan penggunaan ketenteraan. Kajian menyimpulkan bahawa transformasi doktrin ketenteraan sebagai bentuk penyesuaian terhadap perkembangan politik domestik, geopolitik kawasan dan faktor sistemik mampu mengembalikan stabiliti keselamatan nasional daripada pelbagai ancaman kedaulatan negara, keutuhan wilayah dan keselamatan bangsa.

**Kata kunci** : Doktrin ketenteraan, era reformasi, keselamatan nasional, neoklasikal realism, transformasi.

### **ABSTRACT**

During the Reformation Era, the Indonesian military has made three transformations of doctrine. The previous military doctrine established during the New Order reinforced the dual function of military. In its development, the two army roles have caused deviations within the national political system and reduced the military's professionalism. Therefore, at the beginning of Indonesia reform experienced an increase in national security threats. This study discusses the implications of the military doctrine transformation toward the national security during the Reformation Era. The study used qualitative methods by conducting semi-structured interviews on nine selected informants. The data were analyzed from the perspective of Neoclassical Realism. The results of this study suggest that military doctrine is transformed into organizational, professionalism, threat perspectives and patterns of military operations aspects. Implementation of the military doctrine transformation in the realization of national security is determined by the perception of national leadership on domestic

politics, geopolitics and the systemic factors and policies in the fostering and use of military power. The study concludes that the transformation of military doctrine as a form of adjustment to the development of domestic politics, geopolitical areas and systemic factors can restore the stability of national security from various threats to the state sovereignty, territorial integrity and the safety of the nation.

**Keywords:** Military doctrine, reform era, national security, neoclassical realism, transformation.

## **PENDAHULUAN**

Gerakan reformasi nasional Indonesia menuntut penghapusan penglibatan ketenteraan dalam sistem politik nasional dengan mengubah doktrin ketenteraan yang menjadi asas kepada dua peranan Angkatan Bersenjata Republik Indonesia (ABRI) iaitu sebagai kekuatan pertahanan dan kekuatan sosial politik. Lanjutan tuntutan reformasi, tentera melakukan reformasi dalaman bidang struktur, budaya dan doktrin (Basuki 2013; Mietzner 2006; Wijoyo 2014). Walaupun gerakan reformasi telah bermula sejak 1998, namun tentera baru mengubah doktrinnya setelah sembilan tahun gerakan tersebut berlangsung. Pada permulaan reformasi, berlaku peningkatan ancaman keselamatan seperti konflik sosial, gerakan pemisah, aksi pengganas, jenayah antara negara dan kehilangan sebahagian wilayah. Bahkan paska Soeharto telah berlaku lima kali pergantian kepimpinan nasional. Ketidakstabilan politik domestik memberi impak terhadap penurunan peranan dan kepimpinan Indonesia di Asia Tenggara yang sedang mengalami krisis ekonomi (He 2008).

Indonesia juga menghadapi kenyataan hegemoni China di Laut China Selatan dan politik pengimbangan semula Amerika Syarikat (AS) di Asia Pasifik. Keterlibatan beberapa negara Asean dalam sengketa di Laut China Selatan memiliki potensi mempengaruhi hubungan China dengan negara-negara Asean (Parameswaran 2014). Pertumbuhan ekonomi China yang tinggi diimbangi dengan dasar pembangunan kekuatan ketenteraan untuk mengawal kepentingannya. Beberapa insiden kapal Indonesia dengan kapal Coast Guard China yang mengawal kapal-kapal nelayan yang melakukan penangkapan ikan secara haram di perairan Indonesia menunjukkan ancaman kedaulatan Indonesia. Permasalahan semakin kompleks ketika AS menegaskan keselamatan alur laut di kawasan Laut China Selatan dan kebebasan navigasi bahagian kepentingannya (Papatheologou, Rizwan & Musarat 2014). Bahkan, AS memperkukuh hubungan pertahanan dan keselamatan dengan Australia, Jepun, India, Philipina, Singapura dan Vietnam serta mempertingkatkan kehadiran ketenteraannya di kawasan tersebut (Sukma 2014). Hal ini menjadi tentangan bagi negara-negara serantau termasuk Indonesia untuk mencegah agar tidak menjadi punca ketidakstabilan serantau.

Transformasi doktrin ketenteraan sebagai upaya penyesuaian terhadap perkembangan politik domestik, geopolitik serantau dan faktor sistemik. Sejak era reformasi, kepimpinan Yudhoyono telah melakukan tiga kali transformasi doktrin ketenteraan iaitu 2007, 2010 dan 2012. Doktrin tidak bersifat kedogmatikan dan mesti fleksibel menghadapi pelbagai perubahan (Andi 2010; Patajo 1999). Doktrin sebagai garis panduan ketenteraan dalam mengawal keselamatan nasional baik berkaitan kedaulatan negara, keutuhan wilayah mahupun keselamatan bangsa Indonesia daripada pelbagai ancaman.

Oleh itu, kajian ini membincangkan transformasi doktrin yang dilaksanakan oleh ketenteraan Indonesia dan implikasinya terhadap keselamatan nasional yang berlaku pada Era Reformasi (1998-2017). Bagi mempermudah penulisan, diskusi dibahagi ke dalam tiga bahagian. Pertama menghuraikan transformasi doktrin ketenteraan yang berlaku pada era

reformasi. Kedua menganalisis persepsi kepemimpinan nasional terhadap politik domestik, geopolitik kawasan dan faktor sistemik serta dasar ketenteraan untuk mewujudkan keselamatan nasional. Ketiga menganalisis kondisi keselamatan nasional Indonesia.

## **SOROTAN KARYA**

Kajian tentang doktrin ketenteraan Indonesia dilakukan oleh Jenkins (1983) dengan menganalisis perkembangan doktrin ketenteraan yang diuraikan dalam lima period iaitu Revolusi Fisik (1945-1949), Demokrasi Liberal (1949-1957), period (1957-1959), period (1959-1965) dan period pasca 1965. Jenkins menjelaskan keadaan politik domestik dan keselamatan nasional yang menyebabkan tentera mendapat peranan bidang non ketenteraan. Kenyataan tersebut bersesuaian dengan penyelidikan Kier (1992) yang mendapati bahawa doktrin ketenteraan merupakan produk politik domestik dan faktor organisasional. Campur tangan dan perspektif sivil terhadap peranan ketenteraan mempengaruhi pengembangan doktrin. Pendapat tersebut disokong kajian Desh (1999) yang mengatakan aspek-aspek yang terdapat dalam doktrin ketenteraan sebagai salah satu penentu kekuatan kawalan sivil terhadap ketenteraan. Sesebuah isu dianggap ancaman atau bukan bergantung bagaimana persepsi kepemimpinan sivil menanggapinya.

Kajian Andi (2005) menghuraikan kepentingan perumusan doktrin ketenteraan bagi kerajaan dalam menggunakan kekuatan ketenteraan. Oleh itu, pandangan negara tentang perang mesti tercantum dalam doktrin ketenteraan yang bersifat strategis dan dijelaskan dalam doktrin-doktrin yang bersifat operasional dan taktik. Kajian selanjutnya, Andi (2010) membincangkan evolusi doktrin pertahanan negara yang berkaitan dengan strategi ketenteraan yang diterapkan dalam situasi perang. Kajian ini memberi fokus untuk mencari inovasi-inovasi dasar pertahanan negara yang diperoleh melalui pengalaman perang mahupun hasil-hasil kajian yang terwujud dalam peraturan-peraturan bidang pertahanan negara. Berbeza dengan Andi, kajian Green (2011) hanya membincangkan Doktrin TNI 2007 dan peranannya dalam modenisasi ketenteraan. Secara khas Green menyatakan penetapan Doktrin TNI 2007 sebagai wujud implementasi agenda reformasi dalaman TNI dan berimplikasi terhadap pembangunan kekuatan TNI. Kajian Basuki (2013) bersesuaian dengan kajian Green, beliau menghuraikan pelbagai perubahan Doktrin TNI 2007 yang dikembangkan daripada doktrin ketenteraan 1988. Perubahan doktrin yang berlaku mengembalikan fungsi tentera untuk mengawal keselamatan nasional secara profesional.

Selain kajian doktrin ketenteraan Indonesia, banyak kajian yang membincangkan keselamatan nasional Indonesia. Disertasi Muldoko (2014) dan kajian oleh Sihotang dan Emilia (2016) menyatakan persempadanan wilayah adalah permasalahan bilateral yang dihadapi Indonesia dan memerlukan penyelesaian. Selain daripada itu, kajian yang dilaksanakan oleh Azyumardi (2002), Elina & Jawhar (2002), Abuza (2003), Kamarulnizam (2003, 2004) dan Bakti (2014) menganalisis ancaman pengganas. Mereka berpendapat negara-negara serantau tidak hanya menghadapi ancaman konflik dalaman tetapi mesti menghadapi ancaman pengganas yang terorganisasi baik dan memiliki jaringan antara negara. Bahkan Barton (2005) mengatakan Indonesia sebagai negara dengan penduduk muslim terbesar di dunia berpotensi menjadi basis perkembangan pengganas.

Kajian Johnson & Valencia (2005) dan Kamarulnizam (2005) menambahkan selain aksi pengganas banyak aktiviti perompakan dan perlanunan berlaku di Selat Melaka menyebabkan ketidakstabilan, gangguan jalur perdagangan dan ancaman terhadap keselamatan insan. Bahkan, secara khas Eklof (2006) menyatakan beberapa pelaku perompakan di Selat Melaka adalah Gerakan Aceh Merdeka (GAM) untuk mendapatkan

bekal melanjutkan perjuangan memisahkan diri daripada Indonesia. Selain daripada itu, kajian Rashila dan Azizan (2013) menyatakan bahawa di era globalisasi, ancaman keselamatan insan bukan hanya akibat perang tetapi pemerdagangan manusia adalah masalah yang perlu memperolehi penanganan segera. Kajian ini bersesuaian dengan kajian Sity, Zarina dan Rashila (2015) dalam buku *Human Security and Peace in Archipelagic Southeast Asia*.

Banyak penyelidikan telah dilakukan dalam kaitannya dengan isu keterlibatan negara-negara kuasa besar dalam mewujudkan keselamatan dan stabiliti kawasan. Kajian Ba (2003) menganalisis kerjasama negara-negara Asia Tenggara yang bergabung dalam Asean dengan negara-negara kuasa besar memiliki pengaruh positif terhadap pertumbuhan Asia Tenggara dan pada masa yang sama menimbulkan keraguan tentang keselamatan negara-negara kawasan. Penyelidikan Kuik (2005) menganalisis pola keterlibatan China dalam institusi multilateral regional. Kajian ini menunjukkan bahawa persepsi dan dasar China terhadap lembaga multilateral telah mengalami perubahan signifikan. China memandang lembaga multilateral sebagai platform diplomatik yang berguna untuk memajukan tujuan dasar luarnya. Oleh itu kehadiran China di Asia Tenggara bukan ancaman bagi negara-negara serantau. Hal ini berbeza dengan kajian Mearsheimer (2010) dan Choiruzzad (2015) bahawa persaingan antara China yang sedang bangkit dan Amerika Syarikat yang berusaha memperkuat kehadirannya di Asia Tenggara merupakan punca ketidakstabilan serantau. Pelbagai kajian doktrin ketenteraan yang telah dilaksanakan masih bersifat parsial dan belum dibincangkan secara keseluruhan hingga era reformasi. Selain itu, banyak kajian yang telah membincangkan ancaman keselamatan nasional Indonesia yang berasal daripada faktor dalaman mahupun luaran. Meskipun demikian artikel ini akan melengkapi kelompongan kajian dengan membincangkan transformasi doktrin ketenteraan pada Era Reformasi secara komprehensif dan menganalisis implikasinya terhadap keselamatan nasional Indonesia.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini menggunakan data kualitatif yang diperoleh melalui temu bual kepada responden terpilih, kajian dokumen dan kajian kepustakaan. Menurut Irving (2006) temu bual dilaksanakan untuk mendapati data primer secara langsung di lapangan. Temu bual secara mendalam digunakan sebagai metode utama dan merupakan metode penyelidikan yang paling tepat untuk mengumpulkan data. Lebar (2015) menambahkan temu bual kepada informan yang dipilih berasaskan kompetensi dan pengalamannya agar diperoleh maklumat boleh dipertanggungjawabkan secara ilmiah, fokus dan bersesuaian dengan objektif penyelidikan. Dalam kajian ini temu bual dilaksanakan bersifat semi terstruktur.

Temu bual dilaksanakan kepada Try Sutrisno, mantan timbalan presiden dan tokoh ketenteraan. Sayidiman Suryohadiprojo dan Rais Abin merupakan tokoh ketenteraan dan pelaku sejarah perjuangan bangsa (veteran) serta pernah menjawat sebagai duta besar. Sedangkan Muldoko adalah mantan Panglima Tentera Indonesia. Herman Prayitno, mantan pimpinan tentera udara dan duta besar Indonesia untuk Malaysia. Marsetio, mantan pimpinan tentera laut dan terlibat langsung perumusan doktrin TNI 2007. Junias Tobing merupakan pakar doktrin dan strategi ketenteraan. Selain daripada itu, temu bual dilaksanakan dengan Supiadin, ahli parlimen dan Makmur Keliat, akademisi yang banyak mengkaji reformasi dalaman ketenteraan dan keselamatan nasional Indonesia. Menurut Creswell (2005) jumlah sampel antara 4 hingga 10 bersesuaian untuk kajian kualitatif. Data temu bual disusun atur dengan memastikan maklumat yang signifikan dan penting dapat dianalisis bagi membentuk kategori, tema dan konsep yang sesuai. Bagi tujuan untuk memastikan maklumat temu bual

adalah tepat dan sebagaimana yang dimaksudkan partisipan, langkah mengesahkannya perlu dilakukan dengan proses triangulasi melalui perbandingan data dengan data responden lain ataupun perbandingan dengan data dokumen.

Untuk melengkapi data dilakukan kajian dokumen doktrin ketenteraan yang ditetapkan pada era reformasi hingga 2017 dan kajian kepustakaan pelbagai rujukan yang berbentuk terbitan baik yang bercetak mahupun sumber data elektronik. Data dianalisis dengan teknik deskriptif kualitatif menggunakan teori neoklasikal realism yang diperkenalkan oleh Rose (1998). Teori ini menyatakan dasar luar sesebuah negara dipengaruhi oleh upaya pemegang kuasa dalam sistem antarabangsa. Pembuat keputusan akan sentiasa bergantung kepada struktur domestik negara dan ancaman terhadap negara. Selain daripada itu, juga perlu dipertimbangkan persepsi kepimpinan politik dan golongan elit. Kajian Schweller (2004) menjelaskan bahawa meskipun teori neoklasikal realism sejauh ini digunakan untuk teori dasar luar negara tetapi teori ini boleh digunakan untuk menjelaskan beberapa jenis hasil politik dengan menganalisis perilaku keselamatan nasional dengan memasukkan politik domestik dan sistem internasional.

## **TRANSFORMASI DOKTRIN KETENTERAAN DI ERA REFORMASI**

Doktrin ketenteraan Indonesia mengalami pengembangan bersesuaian keperluan tugasnya. Tentera sebagai alat pertahanan negara bertugas mengawal kedaulatan negara, keutuhan wilayah dan keselamatan bangsa daripada kedinamikan ancaman. Oleh itu, doktrin sebagai garis panduan ketenteraan dalam mengawal keselamatan negara mesti dikembangkan secara berterusan (Andi 2010). Menurut Patajo (1999) doktrin mesti selalu dikembangkan kerana adanya faktor-faktor yang berubah. Doktrin tidak boleh dibiarkan terlalu lama, tetapi mesti dikelola secara tertib sehingga responsif terhadap setiap perubahan.

Sejak permulaan gerakan reformasi 1998, tentera Indonesia masih menggunakan Doktrin Perjuangan TNI ABRI yang ditetapkan pada 1988. Berdasarkan doktrin ini, ketenteraan Indonesia disatukan dalam organisasi ABRI yang terdiri tentera darat, tentera laut, tentera udara dan polis. ABRI memiliki jati diri sebagai tentera rakyat, tentera pejuang dan tentera nasional. Politik pertahanan dan keselamatan negara adalah defensif aktif dan preventif aktif yang diarahkan untuk menjamin keselamatan nasional, memelihara perdamaian dunia dan serantau Asia Tenggara. Untuk mewujudkan kondisi tersebut, pembinaan profesionalisme tentera diarahkan kepada enam kemampuan iaitu intelijen strategik, pertahanan, keselamatan, sosial politik, teritorial dan dukungan. Dengan kemampuan tersebut, ABRI disediakan untuk melaksanakan operasi pertahanan, operasi keselamatan dalaman negara (Opkamdagri) dan operasi sosial politik dalam mengatasi ancaman keselamatan yang berasal daripada dalaman dan luaran.

Meskipun berlaku tuntutan penghapusan dua peranan tentera oleh gerakan reformasi, tetapi Doktrin Perjuangan TNI ABRI belum ditransformasi hingga 2007. Pada era reformasi, terdapat beberapa dasar penting yang mendorong transformasi doktrin ketenteraan antaranya dua ketetapan Majelis Permusyawaratan Rakyat (MPR) sebagai rujukan dalam pengembangan doktrin ketenteraan. Pertama ketetapan MPR nombor VI/MPR/2000 perihal pemisahan TNI dan polis. Kedua, ketetapan MPR nombor VII/MPR/2000 tentang peranan TNI dan polis. TNI berperanan bidang pertahanan negara, sedangkan polis berperanan bidang penegakan hukum, mengawal keselamatan dan ketertiban masyarakat. Selain daripada itu, transformasi doktrin ketenteraan sebagai kelanjutan ditetapkannya Undang-undang nombor 3 tahun 2002 tentang pertahanan negara dan Undang-undang nombor 34 tahun 2004 tentang TNI yang menyatakan tugas, peranan dan fungsi ketenteraan Indonesia (Green 2011).

Setelah melalui kajian secara mendalam dan komprehensif, tentera merasmikan doktrin baharu iaitu Doktrin TNI pada 12 Januari 2007. Selepas sembilan tahun gerakan reformasi berjalan, doktrin ketenteraan secara rasmi ditransformasi dengan pelbagai perubahan bersesuaian dalam jadual 1.

Jadual 1: Transformasi doktrin ketenteraan era reformasi

<b>Aspek</b>	<b>1988</b>	<b>2007</b>	<b>2010</b>	<b>2012</b>
Organisasi	ABRI	TNI	TNI	TNI
Jati diri	3	4	4	4
Peranan	Ganda	Alat pertahanan	Alat pertahanan	Alat pertahanan
Politik Pertahanan	Defensif aktif	Defensif aktif Preventif aktif	Defensif aktif	Defensif aktif Preventif aktif
Ancaman	Dalaman Luaran	Ketenteraan Nonketenteraan	Ketenteraan Nonketenteraan	Ketenteraan tradisional Nontradisional Non ketenteraan
Profesionalisme	6 kemampuan	5 kemampuan	5 kemampuan	4 kemampuan
Pola Operasi	Operasi pertahanan Opskamdagri Operasi Sospol	OMP OMSP	OMP OMSP	OMP OMSP

Sumber: Diolah dari pelbagai sumber (2018)

Doktrin TNI ini dirumuskan untuk kepentingan tiga angkatan selepas pemisahan organisasi tentera dengan polis. Terminologi ABRI tidak lagi digunakan dalam doktrin, tentera menggunakan istilah TNI. Selain daripada itu, doktrin menambahkan tentera profesional sebagai identitinya. Hal ini sebagai implementasi Undang-undang nombor 34 tahun 2004 yang menyatakan TNI mesti menjadi tentera profesional. Pembangunan profesionalisme tentera untuk mencapai lima kemampuan iaitu intelijen, pertahanan, keselamatan, pemerksaan wilayah pertahanan dan dukungan. Kemampuan sosial politik dan teritorial dalam doktrin sebelumnya dihilangkan dan diganti dengan kemampuan pemerksaan wilayah pertahanan. Kemampuan tersebut disediakan untuk menghadapi ancaman ketenteraan dan non ketenteraan melalui operasi militer untuk perang (OMP) mahupun operasi militer selain perang (OMSP). Sedangkan politik pertahanan negara tidak mengalami perubahan dari doktrin sebelumnya iaitu defensif aktif dan preventif aktif.

Pada tahun yang sama, Kementerian Pertahanan menetapkan Doktrin Pertahanan Negara pada 28 Disember 2007. Berdasarkan stratifikasi doktrin, Doktrin ketenteraan mesti merujuk Doktrin Pertahanan Negara. Oleh itu, perlu dilaksanakan peninjauan Doktrin TNI yang telah ditetapkan pada permulaan 2007. Akhirnya, tentera merasmikan Doktrin TNI yang baharu pada 15 Jun 2010 selepas dilakukan penyesuaian dengan Doktrin Pertahanan Negara. Namun demikian, aspek organisasi dan profesionalisme tentera tidak mengalami perubahan. Tentera melakukan perubahan dalam menganalisis persepsi ancaman dan menentukan politik pertahanan. Dalam aspek persepsi ancaman, doktrin ini menilai bahawa ancaman keselamatan laut dan udara serta konflik sosial merupakan ancaman non ketenteraan. Doktrin juga menambah tiga ancaman non ketenteraan lain yang mesti dihadapi iaitu ancaman terhadap objek vital nasional, ancaman terhadap presiden dan timbalan presiden berserta keluarganya serta ancaman terhadap keselamatan tamu negara setaraf pemimpin negara dan perwakilan asing di Indonesia. Selain daripada itu, transformasi doktrin mengubah politik pertahanan yang semula defensif aktif dan preventif aktif menjadi defensif aktif. Doktrin tidak mengubah pola operasi yang dilaksanakan oleh TNI iaitu OMP dan OMSP.

Pada 2012, ketenteraan melakukan transformasi doktrinnya dengan menetapkan Doktrin TNI yang baharu pada 25 Julai 2012. Dalam doktrin ini, formulasi tugas utama TNI selain menegakkan kedaulatan negara, mengawal keutuhan wilayah dan melindungi keselamatan bangsa Indonesia ditambah tugas memelihara ketertiban dan perdamaian dunia. Profesionalisme tentera dalam doktrin TNI 2010 terdiri 5 kemampuan, dalam doktrin 2012 menjadi 4 kemampuan iaitu pertahanan, keselamatan, pemerksaan wilayah pertahanan dan dukungan. Kemampuan inteligen dimasukkan dalam kategori kemampuan dukungan. Dalam aspek pola operasi, ketenteraan melanjutkan OMP dan OMSP. Meskipun demikian, doktrin ini menjelaskan lebih terperinci pelaksanaan operasi gabungan antara tentera darat, tentera laut dan tentera udara. Doktrin menekankan sinergi antara angkatan dan *interoperability* peralatan ketenteraan dalam operasi gabungan. Selain daripada itu, dilakukan pengembangan persepsi ancaman keselamatan nasional yang dikategorikan menjadi tiga iaitu ancaman ketenteraan tradisional, ancaman ketenteraan non tradisional dan ancaman non ketenteraan. Sejak era reformasi, tentera Indonesia telah mentransformasi doktrinnya sebanyak tiga kali iaitu 2007, 2010 dan 2012. Meskipun pemisahan ketenteraan dengan polis telah dilaksanakan sejak 1999, tetapi tentera baru mentransformasikan doktrinnya pada 2007. Hasil temu bual dengan Try Soetrisno (2017) dan Muldoko (2017), kedua-dua menyatakan perubahan doktrin pada era reformasi sangat signifikan dan mengubah seluruhnya sehingga perlu masa untuk melakukannya. Mengubah budaya ketenteraan tidak semudah mengubah struktur. Tentera Indonesia sudah 30 tahun lebih memiliki budaya terlibat dalam politik. Oleh itu, tentera perlu masa untuk mengubah budaya tersebut untuk dinyatakan dalam doktrin. Pernyataan tersebut diperkuat oleh Herman (2017) dan Supiadin (2017) bahawa reformasi ketenteraan dilaksanakan secara beransur-ansur dan sistematik termasuk perumusan doktrin. Perubahan organisasi dan peranan tentera boleh mengembalikan fungsi tentera sebagai alat pertahanan negara yang profesional.

## **ANALISIS PERSEPSI DAN DASAR KETENTERAAN PRESIDEN DALAM MEWUJUDKAN KESELAMATAN NASIONAL**

Berdasarkan sistem konstitusi Indonesia, presiden mempunyai kuasa tertinggi atas angkatan darat, angkatan laut dan angkatan udara. Presiden mempunyai kuasa untuk menyatakan keadaan bahaya, membuat kerjasama, dan menyatakan perang dengan negara lain atas persetujuan Dewan Perwakilan Rakyat (DPR). Oleh itu, presiden mempunyai tanggung jawab membina kekuatan ketenteraan dan mempunyai kuasa menggunakan kekuatan ketenteraan untuk mengawal keselamatan nasional. Oleh itu, diperlukan persepsi presiden berkaitan dengan kedinamikan ancaman keselamatan nasional dihadapkan dengan kondisi politik domestik, geopolitik kawasan dan faktor sistemik (Muein 2017; Novotni 2010). Selain daripada itu, dasar ketenteraan yang bersifat pembinaan dan penggunaan kekuatan ketenteraan mesti mampu mengawal stabiliti keselamatan nasional.

Era reformasi merupakan titik permulaan perubahan peranan ketenteraan Indonesia dalam mengawal keselamatan nasional. Bersesuaian tuntutan reformasi, tentera mesti meninggalkan peranan sosial politik dan menjadi alat pertahanan negara yang profesional. Gerakan reformasi dipicu oleh kegagalan kerajaan mengatasi krisis ekonomi yang berdampak pada ketidakstabilan politik domestik (Crouch 2007, 2010). Bahkan Indonesia menghadapi tekanan antarabangsa berkaitan pelanggaran hak asasi manusia, meningkatnya aksi pengganas hingga permasalahan hegemoni China di Laut China Selatan. Sejak era reformasi Indonesia telah mengalami lima kali pergantian kepimpinan nasional dengan permasalahan politik domestik, geopolitik kawasan dan faktor sistemik yang berbeza-beza.

Keadaan ketiga aspek pada masa pentadbiran kelima-lima kepimpinan nasional digambarkan dalam Jadual 2.

Jadual 2: Keadaan politik domestik, geopolitik kawasan dan faktor sistemik

No	Presiden	Politik Domestik	Geopolitik serantau	Faktor Sistemik
1	B.J. Habibie	Transisi demokrasi	Krisis ekonomi	HAM/Embargo
2	Abdurahman W.	Supremasi sivil	Penurunan peranan	HAM/Embargo
3	Megawati	Peraturan	APSC	Aksi Pengganas
4	S.B Yudhoyono	Demokratisasi Legitimasi	ADMM/ADMM+ Simetris/Asimetris	Konflik LCS Konflik LCS
5	Joko Widodo			

Sumber: Diolah dari pelbagai sumber (2018)

### **B.J. Habibie (21 Mei 1999-20 Oktober 1999)**

Habibie menggantikan Soeharto setelah ia menyatakan mengundurkan diri kerana gerakan reformasi. Meskipun demikian, naiknya Habibie sebagai presiden menimbulkan kontroversi di kalangan elit menjadi tiga kelompok. Pertama, menolak kerana Habibie merupakan bahagian Orde Baru; kedua, bersikap neutral kerana pada masa itu tidak ada pemimpin yang diterima semua kalangan, sementara jawatan presiden tidak boleh lompong; ketiga, menyatakan sah dan bersesuaian dengan konstitusi. Oleh itu, Habibie menerima jawatan presiden dengan keadaan politik domestik yang tidak stabil, keadaan ekonomi yang kurang baik serta situasi transisi demokrasi. Kepimpinan Habibie dihadapkan keadaan masyarakat yang menginginkan kebebasan setelah 32 tahun dihadkan oleh kepimpinan Soeharto yang dikenal sebagai otoriter. Habibie memulai pentadbirannya dengan tahap kepercayaan yang rendah daripada elit politik, aktivis mahasiswa, ketenteraan, pelabur luar negara dan perusahaan internasional.

Krisis ekonomi bukan sahaja berlaku di Indonesia tetapi juga negara-negara serantau Asia Tenggara. Oleh itu diperlukan kerjasama negara-negara serantau untuk mengatasi krisis tersebut. Dalam keadaan demikian, Indonesia tidak mampu menunjukkan dominasi peranan dan kepimpinannya di Asia Tenggara. Kondisi tersebut semakin buruk sejak berlakunya insiden Santa Cruz, dunia internasional memberikan tekanan berat dalam kes hak asasi manusia di Timur Leste. Bahkan AS memberi sekatan embargo peralatan ketenteraan. Akhirnya Habibie menyetujui dilaksanakan perundingan Tripartit di New York pada 5 Mei 1999 antara Indonesia, Portugal dan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) yang menghasilkan kesepakatan referendum status Timur Leste (Asshiddiqie et al. 1999).

Era pentadbiran Habibie sebagai pemerintahan transisi demokrasi dari era Soeharto yang melibatkan ketenteraan dalam sistem politik dan banyak mengehadkan hak-hak individu menuju era demokrasi dengan kebebasan menyampaikan aspirasi. Pada masa transisi demokrasi, tentera banyak mengalami perubahan-perubahan penting. Tentera merumuskan konsep paradigma baharu peranan tentera dengan melaksanakan reposisi, redefinisi dan reaktualisasi. Habibie mengeluarkan instruksi Presiden nombor 2/1999 yang menyatakan polis dipisahkan daripada tentera. Pemisahan organisasi ini merupakan langkah mengembalikan peranan tentera dalam bidang pertahanan. Selanjutnya dilaksanakan pelbagai agenda reformasi dalaman tentera iaitu mengurangi anggota ketenteraan di parlimen, memutuskan hubungan dengan parti Golongan Karya dan mengambil jarak yang sama dengan semua parti. Selain daripada itu, pemberian pilihan referendum Timur Leste yang



diakhiri dengan pemisahan wilayah tersebut daripada Indonesia bererti mengakhiri operasi ketenteraan di wilayah tersebut yang telah dilaksanakan sejak 1976.

Walaupun Habibie melaksanakan pemisahan polis dengan tentera, tetapi selama 17 bulan sebagai presiden tidak mentransformasikan doktrin ketenteraan. Meskipun tentera telah melaksanakan reformasi dengan konsep paradigma baharu tetapi tentera masih menggunakan Doktrin Perjuangan TNI ABRI 1988. Secara kenyataannya, tentera melaksanakan penambaaian struktur dan secara beransur-ansur mengurangi penglibatan dalam sistem politik tetapi belum melakukan perubahan doktrin hingga berakhirnya masa kepimpinan Habibie pada 20 Oktober 1999.

### **Abdurrahman Wahid (20 Oktober 1999-23 Julai 2001)**

Pada 20 Oktober 1999, MPR memilih Abdurrahman Wahid (Gus Dur) sebagai presiden Indonesia keempat. Meskipun Gus Dur terpilih secara demokratik, tetapi pada permulaan kepimpinannya menghadapi permasalahan konflik domestik, integriti teritorial dan ancaman disintegrasi nasional. Meskipun demikian, Gus Dur mengembangkan demokratisasi dengan mengembalikan profesionalisme ketenteraan dan mengembangkan supremasi sivil (Crouch 2007). Selain daripada itu, ia membawa permasalahan domestik untuk mendapatkan sokongan internasional dan mengembalikan citra Indonesia di dunia internasional. Melalui diplomasi, ia menyerap aspirasi dan harapan internasional sebagai rujukan dasar luarnya. Namun sebaliknya, ia tidak menjalin komunikasi yang selaras dengan parlimen yang bertugas mengawal kinerjanya. Dalam mewujudkan supremasi sivil, elit politik mengalami pemecahan menjadi beberapa kelompok yang lebih mengutamakan kepentingan politik jangka pendek dan kelompoknya. Bahkan upaya membangun supremasi sivil dan reformasi dalaman tentera berlaku ketegangan hubungan antara Gus Dur dengan tentera (Malik 2004).

Permasalahan di serantau Asia Tenggara, negara-negara anggota Asean masih menghadapi krisis ekonomi. Meskipun demikian, Gus Dur tidak melanjutkan dominasi dan kepimpinan Indonesia di Asean seperti yang dilakukan era Soeharto (He 2008). Pentadbirannya menerapkan *ecumenical diplomacy* iaitu merangkul semua negara untuk memperluas persahabatan dan kerjasama yang saling menguntungkan. Oleh itu, ia memberikan jarak yang sama dengan semua negara dan hidup berjiran dengan baik. Bahkan ia mengembalikan hubungan harmonis dengan China mengingat hubungan antara kedua-dua negara terganggu kerana tragedi Mei 1998. Selain daripada itu, pemulihan hubungan dengan China bertujuan untuk mendapati dukungan pemulihan ekonomi Indonesia. Walaupun demikian, ia juga menjalin hubungan dengan AS yang masih memberikan sekatan embargo ketenteraan dan mempermasalahkan pelanggaran hak asasi manusia di Timur Leste.

Gus Dur mengubah budaya ketenteraan yang telah bertahun-tahun dilaksanakan dengan menunjuk Panglima TNI daripada tentera laut, pimpinan Badan Intelijen Strategis daripada tentera udara dan pimpinan Penerangan TNI daripada tentera udara. Bahkan ia memberikan kepercayaan sivil menjawat sebagai menteri pertahanan. Selain daripada itu, ia melantik Agus Wirahadikusumah sebagai Panglima Kostrad yang menimbulkan pertentangan elit tentera darat dan semakin merenggangkan hubungannya dengan tentera. Dalam aspek profesionalisme, ia berupaya menjauhkan tentera dari urusan politik dan fokus dalam bidang pertahanan negara (Sukma 2013). Dalam aspek operasi ketenteraan, ia mereduksi tindakan represif ketenteraan di wilayah konflik dengan menarik kekuatan ketenteraan daripada Aceh. Konflik Aceh diselesaikan melalui perundingan bukan dengan operasi ketenteraan sehingga tidak menimbulkan banyak mangsa. Berbagai-bagai dasar dalam bidang ketenteraan para kepimpinan nasional digambarkan dalam Jadual 3.

Jadual 3: Dasar presiden bidang ketenteraan era reformasi

No	Presiden	Dasar		
		Organisasi	Profesionalisme	Operasi ketenteraan
1	Habibie	Pemisahan TNI-Polis	Paradigma baru	Referendum
2	Abdurahman Wahid	Perubahan budaya	Alat pertahanan	Reduksi represif
3	Megawati	Pembentukan satuan	Identiti tentera	Darurat ketenteraan
4	S.B Yudhoyono	MEF	Peningkatan bajet	Pulau terluar
5	Joko Widodo	Desentralisasi	Kemampuan siber	Keselamatan maritim

Sumber: Diolah dari pelbagai sumber (2018)

Gus Dur telah membuat pelbagai dasar sebagai implementasi reformasi ketenteraan dan mewujudkan supremasi sivil. Namun demikian, dasar tersebut menimbulkan pertentangan daripada elit tentera. Hal tersebut dipertajam dengan pemecatan Wiranto dari jawatan menteri koordinator bidang politik dan keselamatan dengan alasan keterlibatannya dalam pelanggaran hak asasi manusia di Timur Leste. Meskipun demikian, Gus Dur juga tidak mentransformasikan doktrin ketenteraan hingga akhir pentadbirannya.

### **Megawati (23 Julai 2001-20 Oktober 2004)**

Megawati menggantikan Gus Dur setelah diberhentikan melalui Sidang Istimewa MPR. Belajar dari pentadbiran sebelumnya, Megawati mempertimbangkan peranan DPR dalam menetapkan dasarnya. Bahkan Megawati bersama-sama DPR menghasilkan beberapa peraturan yang menjadi asas untuk menghentikan penglibatan tentera dalam politik. Dalam Undang-undang nomor 3 tahun 2002 tentang pertahanan negara dan undang-undang nomor 34 tahun 2004 tentang TNI dinyatakan peranan ketenteraan hanya sebagai alat pertahanan negara dan dalam pelaksanaan tugasnya tunduk terhadap keputusan politik negara.

Megawati berupaya mengembalikan kepercayaan, peranan dan kepimpinan Indonesia di Asia Tenggara dengan memelopori pembentukan *Asean Politics Security Community* (APSC) dalam Konferensi Tingkat Tinggi di Bali tahun 2003. APSC sebagai bentuk perkembangan kerjasama Asean untuk mengawal kestabilan serantau (Benny 2012; Benny, Sity & Moorthy 2018). Usulan ini menunjukkan dasar luar yang lebih demokrastik untuk melakukan penyelesaian segala konflik secara damai. APSC mengutamakan diplomasi sebagai pertahanan negara di masa damai dan mengeliminasi penggunaan kekerasan dan instrumen ketenteraan dalam penyelesaian konflik (Acharya 2011). Dengan demikian perkembangan kerjasama ASEAN tidak hanya berlaku di bidang ekonomi dan sosial budaya, namun juga bidang politik untuk menciptakan kawasan yang lebih stabil, seimbang, dan mampu merespon semua ancaman.

Sementara itu, perkembangan global menghadapi isu penganas sejak serangan 11 September 2001 terhadap AS. Berkaitan hal tersebut, AS dan PBB menyatakan aksi penganas merupakan ancaman bagi keselamatan dunia. Oleh itu, AS mengajak seluruh negara untuk bersama-sama memerangi aksi penganas (Sukawarsini 2006). Megawati berkunjung ke AS pasca serangan 11 September 2001 untuk menyampaikan rasa keprihatinan Indonesia atas kejadian tersebut. Dalam kunjungan tersebut, ia menandatangani *Memorandum of Understanding On Combating International Terrorism* (MOUCTI) yang

merupakan kerjasama untuk memerangi aksi pengganas internasional sebagai bentuk sokongan terhadap dasar perang terhadap pengganas (Wuryandari 2008; Bakti 2014).

Pada masa kepimpinanya, Megawati menetapkan beberapa dasar ketenteraan yang strategik. Di tengah-tengah tuntutan reformasi untuk menghapuskan kesatuan ketenteraan bidang teritorial yang dinilai sebagai punca penglibatan tentera dalam politik, Megawati membuat keputusan membentuk Komando Daerah Militer (Kodam) di Aceh yang telah dihapuskan sejak 1985. Meskipun mendapatkan tanggapan pro dan kontra daripada pelbagai kalangan, pembentukan Kodam tersebut direalisasi berasas kepentingan pertahanan negara. Untuk mempertingkatkan profesionalisme ketenteraan, Megawati telah menyatakan dalam undang-undang TNI bahawa profesionalisme menjadi salah satu identiti ketenteraan. Megawati menetapkan status Darurat Ketenteraan di Aceh pada 19 Mei 2003 yang memberi kesan pengirisan ketenteraan dalam jumlah besar ke Aceh. Megawati menetapkan operasi ketenteraan sebagai jawapan atas tidak berhasilnya proses perundingan dengan GAM.

### **Susilo Bambang Yudhoyono (20 Oktober 2004-20 Oktober 2014)**

Susilo Bambang Yudhoyono (SBY) menjadi presiden melalui pilihan raya secara langsung. Meskipun SBY berlatar belakang ketenteraan, namun beliau tokoh yang memperjuangkan demokrasi di Indonesia. Bahkan penetapan otonomi daerah pada masa pentadbirannya sebagai bentuk pelaksanaan demokrasi yang lebih luas kerana pemerintah daerah diberi kuasa mengatur daerahnya sendiri dan pemilihan pimpinan daerah dilaksanakan secara langsung. Selain daripada itu, pentadbirannya juga menjalankan reformasi birokrasi yang mengutamakan keterbukaan, penyertaan dan akauntabiliti untuk menciptakan tadbir urus baik. Oleh itu, dua periode kepimpinan SBY berpegang kepada misi mewujudkan Indonesia yang adil dan demokratik.


Memerhatikan perkembangan geopolitik kawasan Asia Tenggara, selain melanjutkan program kerjasama untuk menciptakan stabiliti serantau melalui *Asean Regional Forum* (ARF) dan APSC, pemerintahan SBY melalui menteri pertahanan mendukung dilaksanakan *Annual Defence Ministers Meeting* (ADMM) yang pertama kali disepakati di Malaysia pada 9 Mei 2006. ADMM bertujuan mendorong perdamaian dan kestabilan kawasan melalui dialog serta kerjasama pertahanan dan keselamatan, mempertingkatkan saling kepercayaan dan keterbukaan dalam isu keselamatan serta memberikan sokongan perwujudan APSC. Selanjutnya, ADMM Plus dibentuk pada tahun 2010 bermaksud mempertingkatkan penanganan isu keselamatan lintas negara di kawasan untuk menciptakan kawasan yang damai dan stabil. ADMM Plus beranggotakan 10 negara ASEAN plus 8 negara non-ASEAN lainnya, iaitu Australia, China, India, Jepun, New Zealand, Republik Korea, Rusia dan Amerika Syarikat. ADMM Plus telah menyepakati lima area kerjasama, iaitu *Maritime Security, Counter Terrorism, Humanitarian Assistance and Dissaster Relief, Peace Keeping Operation* dan *Military Medicine*.

Kebangkitan China secara ekonomi memberi kesan pada penguatan kekuatan ketenteraan serta pergeseran fokus dasar luar AS ke Asia-Pasifik yang juga diikuti dengan ekspansi ekonomi dan ketenteraan (Mearsheimer 2010; Kuik, Idris, Nor & Rahim 2012). Kehadiran kedua-dua kekuatan utama di kawasan boleh membawa ketidakstabilan serantau dan membahagi peta politik negara-negara di kawasan antara dua kekuatan utama tersebut (Kuik 2005; Papatheologou, Rizwan & Musarat 2014). Menghadapi situasi tersebut, SBY tidak lagi menerapkan *Rowing between the Two Reefs*, melainkan *Navigating a Turbulent Ocean* iaitu mengawal keberimbangan antara kemandirian pengambilan keputusan, kebebasan bertindak, tidak bergabung pada sesebuah pakatan ketenteraan, ketersambungan dengan dunia luar dengan mencerminkan nasionalisme dan identiti Indonesia (Sukawarsini

2015). Selain daripada itu, SBY menawarkan perdamaian Asia Pasifik dengan prinsip keseimbangan yang dinamik (*dynamic equilibrium*). Ada ruang hubungan yang stabil dan damai antara kuasa besar dan kekuatan-kekuatan menengah baru di Asia Pasifik dalam menciptakan struktur hubungan yang stabil. Menurut Hoo (2016) dalam sistem regional atau global, stabiliti boleh dipelihara melalui pengelolaan yang baik antara politik, ketenteraan dan ekonomi antara pemain regional atau global. Oleh itu, Indonesia menjalin hubungan kemitraan strategis dengan China pada 2005 dan dengan AS pada 2010.

Dasar SBY untuk menambahbaik organisasi dan profesionalisme ketenteraan dengan pembangunan kekuatan berdasarkan *Minimum Essential Force* (MEF). MEF merupakan keperluan standard kekuatan utama dan minimum tentera yang mutlak disediakan sebagai prasyarat bagi terlaksananya tugas dan fungsi tentera dalam menghadapi ancaman keselamatan nasional (Azhari 2016). Keperluan kekuatan tersebut mesti dipenuhi oleh kepimpinan nasional meskipun dalam keadaan ekonomi lemah, agar setiap ancaman terhadap kedaulatan negara, keutuhan wilayah dan keselamatan bangsa boleh diatasi (Suhaimi, Yaakub & Jawan 2012). Oleh itu, SBY mempertingkatkan bajet pertahanan secara signifikan mencapai 400 % dari 21.7 triliun rupiah pada 2004 hingga 92.2 triliun rupiah pada 2015. Kenaikan bajet pertahanan digambarkan dalam Rajah 1.

Rajah1: Bajet pertahanan Indonesia 2000-2017



Sumber : Kementerian Pertahanan RI (2017)

Peningkatan bajet pertahanan untuk mempertingkatkan profesionalisme, modenisasi peralatan dan mempertingkatkan operasi ketenteraan (Aspinall, Mietzer & Tomsa 2015). SBY menetapkan dasar untuk melaksanakan operasi ketenteraan di 12 pulau terluar yang bernilai strategis bagi mengawal kedaulatan negara. Selain daripada itu, pada tahun 2005 dilaksanakan operasi patroli keselamatan laut bersama di selat Melaka antara Indonesia, Malaysia, Singapura dan Thailand baik menggunakan kapal mahupun pesawat udara pengintip.

### **Joko Widodo (20 Oktober 2014-20 Oktober 2019)**

Pada permulaan sebagai presiden, Joko Widodo (Jokowi) kurang memperoleh sokongan daripada elit politik. Penyokong Jokowi di parlimen hanya 207 kerusi berbanding kekuatan koalisi Merah Putih sebagai oposisi yang menguasai 353 kerusi. Meskipun demikian, Jokowi mampu menggalang kekuatan politik dan memperoleh sokongan daripada parti-parti politik yang sebelumnya menjadi oposisi. Selain daripada itu, Jokowi memperkuat posisinya dengan menempatkan lima pesara jeneral dalam pemerintahannya dan melakukan kunjungan ke kesatuan-kesatuan ketenteraan untuk memperoleh legitimasi bahawa presiden sebagai

pemegang kuasa tertinggi atas ketenteraan. Langkah ini untuk meyakinkan bahawa tentera boleh dikawal oleh presiden yang dijawab oleh sivil dan mendapati keyakinan bahawa politik ketenteraan hanya menyokong politik negara dan bertanggung jawab mewujudkan keselamatan nasional Indonesia.

Dalam aspek geopolitik serantau, pentadbiran Jokowi lebih banyak melihat geopolitik kawasan dari perspektif maritim. Implikasi kedinamikan geopolitik kawasan dari perspektif maritim boleh bersifat positif dan negatif (Rene & Natalia 2015). Oleh itu, pertemuan kepentingan geopolitik boleh melahirkan kerjasama, boleh juga memunculkan konflik. Kedinamikan kawasan diliputi oleh ancaman keselamatan nasional yang bersifat simetri dan tak simetri. Ancaman simetri berasal daripada aktor negara, sedangkan tak simetri boleh muncul daripada aktor non negara. Ancaman simetri berbentuk sengketa persempadanan antara negara yang belum diselesaikan, persaingan senjata dan kebebasan penggunaan laut. Sedangkan ancaman tak simetri dalam perspektif maritim berupa perompakan, pelanunan, penangkapan ikan secara haram, dan pencurian sumber daya laut. Bahkan pemerdagangan manusia menjadi isu yang mesti diselesaikan (Sity, Zarina & Rashila 2015).

Ancaman tak simetri memperoleh atensi negara-negara di kawasan, kerana boleh mengancam stabiliti kawasan. Meskipun demikian, dasar Jokowi untuk melindungi kedaulatan negara dan sumber daya maritim juga mendapat tentangan oleh negara-negara yang merasa kepentingannya dirugikan. Sejak awal pentadbirannya, Jokowi ingin menjadikan Indonesia sebagai poros maritim dunia (PMD) iaitu menjadi sesebuah negara maritim yang berdaulat, maju, mandiri, kuat, serta mampu memberi sokongan positif bagi keselamatan dan perdamaian kawasan dan dunia bersesuaian dengan kepentingan nasional (Rene & Natalia 2015). Meskipun demikian, dasar tersebut tidak dapat dipisahkan dengan konflik yang sedang berlaku di Laut China Selatan. China, Vietnam, Filipina, Malaysia dan Brunei beradu politik dan kekuatan masalah pemilikan Sparty dan Paracel. Meskipun Indonesia tidak terlibat dalam konflik tersebut, tetapi sikap China mengawal kapal-kapal nelayan yang melakukan pelanggaran wilayah dan penangkapan ikan secara haram di perairan Indonesia menjadi potensi konflik. Oleh itu, Jokowi mempertingkatkan kekuatan ketenteraan di pulau Natuna untuk mengawal kedaulatan wilayah Indonesia.

Pengaturan organisasi TNI dengan melakukan desentralisasi kekuatan ketenteraan di Jawa. Pada masa kepimpinan Jokowi dikembangkan dua Kodam di Papua Barat dan Sulawesi Utara. Selain daripada itu, juga dibangun kekuatan ketenteraan di pulau terluar dan daerah bersifat strategik iaitu Natuna, Yamdena dan Selaru, Morotai, Biak dan Merauke. Pembangunan ini didasarkan pada kedinamikan ancaman. Dalam aspek profesionalisme, tentera dikembangkan kemampuannya untuk menghadapi ancaman siber. Bahkan dikembangkan Kesatuan Siber TNI pada 2017 dengan tugas menghadapi ancaman siber melalui operasi penangkalan, pemulihan dan dukungan. Selain daripada itu, untuk mempertingkatkan keselamatan maritim, pentadbiran Jokowi melalui menteri luar negara dan panglima tentera Indonesia-Malaysia-Filipina pada 5 Mei 2016 menyepakati dilaksanakan operasi untuk mengatasi pelbagai ancaman keselamatan maritim regional yang mempengaruhi kestabilan keselamatan wilayah persempadanan ketiga-tiga negara.

## **IMPAK TERHADAP KESELAMATAN NASIONAL INDONESIA**


Seiring dengan pergeseran paradigma keselamatan dari keselamatan wilayah ke keselamatan insan berkesan pula pada pergeseran paradigma ancaman. Menurut undang-undang nombor 34 tahun 2004 dinyatakan ancaman adalah setiap upaya dan kegiatan, baik dari dalaman mahupun luaran negara yang dinilai membahayakan kedaulatan negara, keutuhan wilayah dan keselamatan bangsa. Oleh itu, sasaran ancaman terhadap keselamatan nasional meliputi

sasaran ancaman terhadap kedaulatan negara, sasaran ancaman terhadap keutuhan wilayah dan sasaran ancaman terhadap keselamatan bangsa.

Sasaran ancaman terhadap kedaulatan negara ditinjau daripada aspek ketenteraan, dapat berupa penguasaan sebahagian wilayah darat, laut dan udara atau klaim wilayah/pulau-pulau terluar yang dilakukan oleh negara lain kerana adanya konflik atau sengketa antara negara yang boleh disebut ancaman ketenteraan tradisional. Sasaran ancaman terhadap keutuhan wilayah berupa hilangnya sebahagian wilayah negara kerana adanya keinginan untuk merdeka atau memisahkan diri daripada Indonesia yang dilakukan oleh aktor non negara ataupun aktor non negara yang memperoleh sokongan daripada aktor negara atau pihak ketiga yang disebut sebagai ancaman ketenteraan non tradisional. Sedangkan, sasaran ancaman terhadap keselamatan bangsa berupa keselamatan jiwa dan badan setiap warganegara Indonesia, baik yang ada di dalaman ataupun di luar negara, sebagai akibat tindakan fizikal ataupun non fizikal daripada aktor negara atau aktor non negara.

Selama era reformasi, Indonesia mengalami pelbagai ancaman terhadap kedaulatan negara, keutuhan wilayah dan keselamatan bangsa. Dalam kajian ini, ancaman terhadap keselamatan nasional dihadkan pada lima ancaman yang paling signifikan iaitu pelanggaran wilayah, gerakan pemisah, aksi pengganas, konflik sosial, dan kejahatan di laut. Kondisi ancaman terhadap keselamatan nasional Indonesia digambarkan dalam Rajah 2.

Rajah 2: Ancaman keselamatan nasional 1998-2017



Sumber : Diolah daripada pelbagai sumber (2018)

Berasaskan masa penggunaan doktrin ketenteraan, pada era reformasi terdapat empat periode penggunaan doktrin iaitu Doktrin Perjuangan TNI ABRI (1998-2007), Doktrin TNI (2007-2010), Doktrin TNI (2010-2012), dan Doktrin TNI (2012-2017).

### **Doktrin Perjuangan TNI ABRI (1998-2007)**

Meskipun era reformasi bermula sejak 1998, tetapi tentera masih menggunakan Doktrin Perjuangan TNI ABRI yang ditetapkan pada 1988 hingga 2007. Keadaan ini ambivalen dengan tuntutan reformasi, di satu sisi menuntut adanya penghapusan penglibatan tentera dalam politik tetapi doktrin tersebut tidak ditransformasikan hingga 2007 walaupun telah mengalami empat kali perubahan kepimpinan nasional. Berasaskan rajah di atas, sejak 1998 hingga 2005 keadaan keselamatan nasional Indonesia sangat rendah, hal tersebut ditunjukkan dengan tingginya ancaman terhadap keselamatan nasional.

Pada masa kepimpinan Habibie (1998-1999), terdapat 19 ancaman terhadap keselamatan nasional yang terdiri 10 ancaman pada 1998 dan 9 ancaman pada 1999. Keputusan referendum Timur Leste yang berdampak lepasnya wilayah tersebut berkesan

mempertingkatkan aksi gerakan pemisah di Aceh dan Papua. Selain daripada itu, konflik sosial bukan sahaja berlaku di ibu kota negara melainkan tersebar di pelbagai wilayah Indonesia antaranya peristiwa Ketapang (1998), Kupang (1998), Poso (1998), Sambas (1999), dan Ambon (1999). Oleh itu, pada masa pentadbiran Habibie tingkat keselamatan nasional mencapai titik sangat rendah. Berasaskan temu bual dengan Sutrisno (2017), Muldoko (2017) dan Junias Tobing (2017), ketiga-tiga responden menyatakan tingginya ancaman keselamatan nasional utamanya konflik sosial kerana adanya kebebasan menyampaikan aspirasi yang diperoleh pada masa reformasi. Kebebasan tersebut tidak dapat dikawal dan digunakan secara tidak bertanggungjawab.

Pada masa pentadbiran Gus Dur (1999-2001) berlaku 18 ancaman terhadap keselamatan nasional. Pada masa hubungan Gus Dur dengan elit tentera tidak harmonis, GAM dan Organisasi Papua Merdeka (OPM) mempertingkatkan aksinya untuk memisahkan diri daripada Indonesia (Malik 2004). Selain daripada itu, kebebasan yang tidak bertanggungjawab menjadi punca pelbagai konflik sosial yang berlaku di beberapa wilayah seperti Ambon, Sampit dan penyerangan Jemaah Ahmadiyah Indonesia di Lombok. Letupan bom juga berlaku di Kedutaan Besar Philipina (2000), Kedutaan Besar Malaysia (2000), bursa efek Jakarta (2000), dua gereja di Jakarta (2001) dan gereja di Semarang (2001). Bahkan pada masa pentadbirannya, Indonesia terancam disintegrasi bangsa. Keadaan ini bersesuaian dengan kajian Bremer (2006) bahawa kestabilan berkaitan dengan keterbukaan. Kestabilan boleh diciptakan dengan mengawal masyarakat secara ketat. Sayidiman (2017), Rais (2017) dan Marsetio (2017) mengatakan antara kebebasan dan demokrasi ada kestabilan yang mesti dikawal keseimbangannya. Sutrisno (2017) menambahkan bahawa menyampaikan aspirasi tidak sepatutnya melalui kekerasan. Hal itu merosak tujuan dan arah reformasi serta mengakibatkan disintegrasi bangsa. Berasaskan pelbagai keadaan tersebut menunjukkan Gus Dur belum mampu mewujudkan kestabilan keselamatan nasional.

Pada masa kepimpinan Megawati (2001-2004) berlaku penurunan ancaman keselamatan nasional dibandingkan masa pentadbiran sebelumnya. Meskipun Megawati telah memperolehi sokongan kedaulatan negara daripada PBB yang disampaikan oleh Kofi Anan pada 24 September 2001 di New York, tetapi Megawati masih menghadapi pelbagai ancaman keselamatan nasional. Pelanggaran wilayah kedaulatan udara dilakukan oleh pesawat-pesawat F-18 AS yang melakukan manuver di atas Bawean pada 2003. Selain daripada itu, pada tahun yang sama pulau Sipadan dan Ligitan terlepas daripada Indonesia berdasarkan keputusan Mahkamah Internasional. Meskipun konflik sosial mengalami penurunan, tetapi keselamatan masyarakat terancam oleh banyaknya aksi pengganas. Selama masa pentadbirannya berlaku 13 letupan bom dengan mangsa bukan sahaja masyarakat Indonesia tetapi juga warga asing. Menurut Bakti (2014), pengganas di era reformasi semakin menyebar ke pelbagai lapis masyarakat dengan jaringan yang semakin kuat, polis dijadikan sebagai sasaran operasi dan generasi muda sebagai basis mencari kader. Pendapat Keliat (2017), Tobing (2017) dan Herman (2017) menyokong pernyataan tersebut dan menambahkan bahawa aksi pengganas merupakan jaringan terorganisir dan mempunyai jaringan luas antara negara. Keadaan di atas menggambarkan tingkat kestabilan keselamatan nasional yang rendah.

### **Doktrin TNI (2007-2010), (2010-2012), dan (2012-2017)**


SBY menjawat presiden sejak 2004 hingga 2014, keadaan keselamatan nasional semakin baik sejak 2006 hingga 2014. Semasa pentadbirannya, SBY mentransformasikan doktrin ketenteraan sebanyak tiga kali iaitu 2007, 2010 dan 2012. Oleh itu, ancaman keselamatan nasional mengalami penurunan. Selama dua penggal keimpinannya, keadaan keselamatan

nasional masih mengalami pelbagai ancaman. Meskipun demikian, SBY menghentikan status darurat ketenteraan di Aceh pada 15 Ogos 2005 dan menyelesaikan masalah Aceh secara damai, walaupun OPM masih melakukan aksi melalui gerakan bersenjata dan politik internasional. Dua konflik sosial masih berlaku iaitu konflik Koja dan konflik Tarakan. Selain daripada itu, ancaman kedaulatan negara banyak berkaitan dengan sengketa Blok Ambalat dengan banyaknya kapal perang Malaysia masuk di wilayah Indonesia. Meskipun demikian, hal ini boleh diselesaikan secara politik (Sukawarsini 2015)

Penggunaan Doktrin TNI (2010-2012) mampu mewujudkan kestabilan keselamatan nasional, meskipun juga masih berlaku beberapa ancaman. Perakaman telepon SBY oleh Australia pada 2009 merupakan kegiatan espionage yang mengancam kedaulatan negara. Konflik sosial, perompakan dan penyelundupan manusia masih mengganggu keselamatan masyarakat. Pada 2010 dan 2011 berlaku jenayah penangkapan ikan secara haram sangat tinggi iaitu 145 kes (2010) dan 201 kes (2011) meskipun akhirnya menurun pada 2012 sebanyak 81 kes. Bahkan berlaku perompakan kapal Sinar Kudus di perairan Somalia pada 2011 meskipun mampu diselesaikan dengan operasi ketenteraan. Berasaskan kes Blok Ambalat, SBY mengawal pulau-pulau terluar dengan menempatkan kekuatan ketenteraan. Indonesia memiliki 92 pulau kecil terluar yang berbatasan langsung dengan sepuluh negara tetangga dan 12 pulau diantaranya rawan konflik iaitu pulau Rondo, Berhala, Sekatung, Nipah, Marapit, Marore, Fani, Brass, Fanildo, Miangas, Batek dan Dana.

Penggunaan Doktrin TNI (2012-2017), memberikan implikasi terhadap kestabilan keselamatan nasional pada 2012 hingga 2015 tetapi mengalami peningkatan ancaman keselamatan nasional pada 2016 dan 2017. Dalam masa 2012-2017 terdapat dua kepimpinan iaitu SBY dan Jokowi. Pelbagai ancaman yang berlaku pada masa SBY antaranya masuknya kapal The Ocean Protector milik Australia ke wilayah Indonesia pada 14 Januari 2014. Selain daripada itu, pengelolaan *flight information region* (FIR) di wilayah Kepulauan Riau, Tanjung Pinang dan Natuna oleh Singapura menunjukkan Indonesia belum memiliki kedaulatan wilayah udara. Meskipun Ade Patra (2013) menyatakan penetapan wilayah FIR berbeza dengan kedaulatan wilayah, kerana wilayah FIR berdasarkan pertimbangan keselamatan. Hal tersebut berbeza dengan pernyataan Supiadin (2017), Muldoko (2017), Marsetio (2017) dan Herman (2017) bahawa FIR berkaitan dengan kedaulatan wilayah udara, sehingga Indonesia mesti mampu mengelola secara mandiri.

Rajah 3: Jenayah di laut 2008-2017



Sumber: Badan Keselamatan Laut (2017)

Masa pentadbiran Jokowi hingga 2017 tidak melakukan transformasi doktrin ketenteraan. Tentera masih menggunakan doktrin yang ditetapkan pada 2012. Pada 2016 berlaku peningkatan ancaman keselamatan nasional secara signifikan antaranya berlaku



empat konflik sosial iaitu konflik Tolikara, Mimika, Karo, dan Tanjung Balai. Pelanggaran kedaulatan udara juga dilakukan oleh pesawat Hercules C-130 Malaysia yang melintas di atas Natuna. Pelanggaran wilayah dilakukan oleh kapal-kapal Coast Guard China yang melakukan kawalan kapal-kapal nelayan yang melakukan penangkapan ikan secara haram di perairan Indonesia. Jenayah di laut utamanya penangkapan ikan secara haram bertambah iaitu 102 kes pada 2015, 126 kes pada 2016 dan 117 kes pada 2017. Hal ini berkaitan dengan dasar Jokowi mempertingkatkan keselamatan laut. Bahkan, berlaku perompakan kapal Brahma dan Anand di perairan Philipina Selatan. Sementara itu, OPM melakukan beberapa penembakan bahkan menawan warga Kimberly Papua. Keselamatan masyarakat masih terancam oleh aksi letupan bom sebanyak 9 kali pada tahun 2016 dan 2017. Meskipun Jokowi melakukan pembinaan kekuatan ketenteraan dengan membangun kekuatan di beberapa wilayah strategik, tetapi tentera masih menggunakan Doktrin TNI 2012 yang mesti diubahsuai bagi menyokong dasar pentadbirannya. Oleh itu, pada masa kepimpinannya berlaku penurunan tahap kestabilan keselamatan nasional utamanya pada 2016 dan 2017.

## **KESIMPULAN**

Doktrin ketenteraan Indonesia mengalami transformasi pada era reformasi. Transformasi doktrin ketenteraan Indonesia sebagai bentuk penyesuaian terhadap perkembangan politik domestik, geopolitik kawasan dan faktor sistemik. Doktrin ketenteraan mengalami transformasi dalam aspek organisasi, profesionalisme, perspektif ancaman dan pola operasi ketenteraan. Implementasi transformasi doktrin ketenteraan dalam mewujudkan keselamatan nasional ditentukan oleh persepsi kepemimpinan nasional terhadap politik domestik, geopolitik serantau dan faktor sistemik serta dasar dalam pembinaan dan penggunaan ketenteraan. Transformasi doktrin ketenteraan pada era reformasi (1998-2017) dilakukan pada masa pentadbiran SBY sebanyak tiga kali pada 2007, 2010 dan 2012. Transformasi doktrin ketenteraan mampu mengembalikan kestabilan keselamatan nasional yang rendah pada permulaan reformasi berlaku.

## **PENGHARGAAN**

Ucapan terima kasih disampaikan kepada Lembaga Pengelola Dana Pendidikan (LPDP) yang telah mendukung tajaan untuk kajian ini.

## **RUJUKAN**

- Abdul Muein. 2017. Perbandingan dasar luar Malaysia dan Indonesia terhadap Amerika Syarikat dan China dari perspektif Realisme Neo-Klasik. *Malaysia Journal of Society and Space* 13 Issue 1 (119-132).
- Abuza, Z. (2003). *Militan Islam in Southeast Asia: Crucible of Terror*. New York: Simmon College
- Acharya, Amitav. (2011). *Constructing a security community in Southeast Asia: ASEAN and the problem of Regional Order*. New York, London: Routledge.
- Ade Patra Mangko. (2013). *Indonesia Air Traffic Services (ATS) Readiness and Strategic Plans for Taking Over Air Space and Improving the Service*. Thesis. Universitas Gajah Mada.
- Agus Surya Bakti. (2014). *Mencegah Terorisme Secara Semesta*. Badan Nasional Penanggulangan Bencana, Jakarta.

- Agus Widjoyo. (2015). *Transformasi TNI. Dari pejuang kemerdekaan menuju tentara profesional dalam demokrasi : pergulatan tni mengukuhkan kepribadian dan jati diri*. Kata Hasta Pustaka. Jakarta.
- Ahmad Yani Basuki. (2013). *Reformasi TNI: Pola Profesionalisasi Ketenteraan Dalam Masyarakat*. Yayasan Obor Indonesia. Jakarta.
- Andi Widjajanto. 2010. Evolusi Doktrin Pertahanan Indonesia. *Prisma*. Vol 29 LP3ES. Jakarta.
- Azhari Setiawan. 2016. Modernisasi Alutsista Indonesia : Sebuah Analisis. *Analisis CSIS, Kuartal Keempat 2016, Vol 45 No 4*.
- Azyumardi Azra. (2002). The Globalization of Indonesian muslim discourse: contemporary religio-intellectual connections between Indonesia and the Middle East, *Dalam Johan Meuleman (pnyt), Islam in The Era of Globalization: Muslim Attitudes Towards Modernity and Identity*, London: Routledge Curzon
- Ba, A. D. (2003). China and ASEAN : re-navigating relation for 21 st Century Asia. *Asian Survey XLIII(4):623-628*.
- Barton, G. (2005). *Jemaah Islamiah: radical Islamism in Indonesia*. Singapore: Singapore University Press Pte Ltd.
- Benny, Guido. 2012. The Indonesian nationalism and perceived threats of neighbouring countries: public opinion toward the asean community. *International Journal on Social Science, Economics and Art, 2 (3): 38-44*.
- Benny, Guido, Daud, Sity and Moorthy, R. 2018. Economic versus political liberalisation in ASEAN: Public opinion among among university students in four member countries. *International Journal of Asia Pasific Studies 14 (1):227-249*, <https://doi.org/10.21315/ijaps2018.14.1.9>.
- Creswell, J. W. (2005). *Educational Research: Planning, conducting, and evaluating quantitative and Qualitative research*. 2nd ed. Upper Saddle River, NJ Pearson education.
- Crouch, Harold. (2007). *The army and politics in Indonesia*. Equinox Publishing.
- Crouch, Harold. (2010). *Political reform in Indonesia after Soeharto*, Singapore: Institute of South East Asian Studies.
- Edward Aspinall, Marcus Mietzer & Dirk Tomsa. (2015). *The Yudhoyono presidenc: Indonesia's decade of stability and stagnation*. ISEAS Publishing, Singapore.
- Elina Noor & Mohammad Jawhar Hassan. (2002). *Terrorism: perspectives for the Asia Pacific*. Kuala Lumpur: ISIS Malaysia.
- Green, Michael. 2011. Indonesia's Armed Forces in the Democratic Era. *Strategic Briefing Papers. Vol. 6 Part 1: November 2011*.
- He K. 2008. Indonesia's foreign Policy after Soeharto: international pressure, democratization, and policy change. *International Relation of the Asia-Pasific, 8(1), 47-72*.
- Hoo Chiew Ping. 2016. Explaining strategic stability in contemporary East Asian international relations. *Paper presented at Jeju Peace Forum 2016*.
- Ian Bremer. (2006). *The J Curve : A New Way to Understand Why Nation Rise and Fall*. New York: Simon and Schuster.
- Japanton Sihotang dan Emilia Yustiningrum. (2016). *Masalah perbatasan wilayah laut Indonesia dengan Malaysia dan Singapura*. Graha Ilmu. Yogyakarta.
- Jenkins, David. 1983. Evolution of Indonesian Army Doktrin, Thinking : The Concept of Dwifungsi. *Southeast Asian Journal of Social Sciences Vol. 11 No. 2 Ideology in Southeast Asia*, pp 15-30.

- Jimmy Asshiddiqie, Erman Rajagukguk, Ahmad Watik Pratiknya & Umar Juoro. (1999). *Pandangan dan Langkah Reformasi B.J. Habibie*. PT Raja Grafindo Persada. Jakarta.
- Johnson, Derek & Valencia, Mark. (2005). *Piracy in Southeast Asia : Status, issues, and responses*. ISEAS Publications. Singapore.
- Kementerian Pertahanan dan Keselamatan. (1966). *Doktrin pertahanan keamanan nasional dan doktrin perjuangan ABRI*. Jakarta.
- Kier, Elizabeth. (1992). *Change in conventional military doctrines : The cultural roots on doctrinal change*. Dissertation. Cornell University.
- Kamarulnizam Abdullah. (2003). Islamic militant movements and communal conflict in Malaysia. Dlm S. Yunanto (pnyt). *Militan islamic movements in Indonesia and Southeast Asia*, Jakarta: Ridep Institute.
- Kamarulnizam Abdullah. (2004). Limiting the threats of ideological based terror groups: lessons to be learned from Malaysia. Dlm R. Ragaini (pnyt). *The Science and culture series, the cultural planetary emergency: focus on terrorism*. New Jersey: World Scientific.
- Kamarulnizam Abdullah. (2005). Piracy and Security in the Straits of Malacca. *Paper presented at the International Conference on Malaysia and Sino-Malaysia Relations*. Xiamen University. People's Republic of China. April 6-7, 2005.
- Kuik CC. 2005. Multilateralism in China's ASEAN Policy: Its evolution characteristics, and aspiration. *Contemporary Southeast Asia*. Published By: ISEAS - Yosuf Ishak Institute. Vol. 27, No. 1 (April 2005), Pp. 102-122
- Kuik CC, Idris NA, Nor M & Rahim A. 2012. The China factor in the us "reengagement" with southeast Asia: Drivers and limit of converged hedging. *Asian Politics & Policy*, 4(3), 315-344.
- Malik Haramain. (2004). *Gus Dur, ketenteraan dan politik*, LKiS, Yogyakarta.
- Markas Besar ABRI. 1988. *Doktrin perjuangan TNI-ABRI catur darma eka karma*. Jakarta.
- Markas Besar TNI. (2007). *Doktrin TNI tri darma eka karma*. Jakarta.
- Markas Besar TNI. (2010). *Doktrin TNI tri darma eka karma*. Jakarta.
- Markas Besar TNI. (2012). *Doktrin TNI tri darma eka karma*. Jakarta.
- Mearsheimer, Jhon. J. 2010. The gathering storm: China's challenge to US power in Asia. *The Chinese Journal of Internasional Politics*, Vol 3 p. 381-396.
- Mietzner, M. (2006). *The politics of ketenteraan reform in post Soeharto Indonesia: elite conflict, nationalism and institusional resistance*. Washington, DC: East west Center.
- Muldoko. (2014). *Kebijakan dan skenario palnning pengelolaan kawasan perbatasan Indonesia : studi kasus perbatasan darat Kalimantan*. Disertasi. Universitas Indonesia.
- Novotny D. (2010). *Tom between America and China: elite perception and Indonesia foreign policy*. Institute of Southeast Asian Studies.
- Othman Lebar. (2015). *Penyelidikan kualitatif : pengenalan kepada teori dan metode*. Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris Tanjong Malim. Perak.
- Papatheologou, Vasiliki, Naseer, Rizwan & Musarat. 2014. China engagement with regionalization in south and southeast Asia: Comparative perspective. *Southeast Asian Studies*, Vol. 29 No. 1, pp. 281-290.
- Parameswaran P. 2014. Explaining US strategic partnerships in the Asia Pasific region: origins, developments and prospects. *Contemporary southeast Asia. A journal of International and Strategic Affairs*, 36(2), 262-289.
- Patajo, L. Noel. (1999). *Doctrine writing handbook*. Air power studies centre RAAF base Fairbairn. Canberra.

- Rashila Ramli dan Nor Azizan Idris. (2013). *Keselamatan insan di Malaysia dan Indonesia: dari pemerdagangan manusia ke pemanasan global*. Bangi: UKM Press
- Rene L. Pattiradjawane & Natalia Soebagyo. 2015. Global maritime axis: indonesia, china, and a new approach to southeast Asian regional resilience. *International Journal of China Studies, Vol 6, No 2, August 2015*.
- Rizal Sukma. (2013). The role of civil society in Indonesia's military reform. Dlm *The Politics of Military Reform*, pp 147-160.
- Rizal Sukma. (2014). Indonesia dan Asia Timur: reposisi strategis sebagai middle power. Dlm Safiah. F. Muhibat. *Untuk Indonesia 2014-2019: Agenda Sosial Politik dan Keamanan*. Centre For Strategic and International Studies. Jakarta.
- Rose, Gideon. 1998. Neoclassical Realism and theoris of Foreign Policy. *World politics. Vol. 51, No 1, pp. 122-172*.
- Schweller, R, L. 2004. Unanswered Threats: A Neoclassical Realist Theory of Under Balancing. *International security, 29(2)*.
- Seidman Irvin. (2006). *Interviewing as a Qualitatif Research: A Guide for Researcher in Education and the Social Sciences*. Teacher College Press, 1234 Amsterdam Avenue, New York.
- Shofwan Al Bahanna Choiruzzad. (2015). *Asean di Persimpangan Sejarah. Global, Demokrasi & Integrasi Ekonomi*. Yayasan Pustaka Obor Indonesia.
- Sity Daud, Zarina Othman & Rashila Ramli. 2015. *Human Security and Peace in Archipelagic Southeast Asia*. Bangi: UKM.
- Suhaimi Ibrahim, Mohamad Tawfik Yaakub & Jayum Jawan. 2012. Profesionalisme Tentera Era Presiden Susilo Bambang Yudhoyono: Dari Agenda Reformasi Kepada Kegagalan Misi. *Jebat : Malaysia Journal of Politics and Strategic Studies, Vol 39 (1) (July 2012): 25-49*.
- Sukawarsini Djelantik. 2006. Terorisme in Indonesia: The emergence of west javanese terrorist. *International Graduate Student Conference Series, No. 22, (East-West Center, 2006)*.
- Sukawarsini Djelantik. (2015). *Asia Pasifik : Konflik, Kerja Sama, dan Relasi Antarkawasan*. Universitas Katolik Parahyangan dan Yayasan Obor Indonesia. Jakarta
- Wuryandari. G. (2008). *politik luar negeri Indonesia di tengah pusaran politik domestik*. Pustaka Pelajar. Jogjakarta.

**Kushananto,**

Calon Doktor Falsafah di Pusat Penyelidikan Dasar, Politik dan Keselamatan,  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,  
Universiti Kebangsaan Malaysia.  
kushananto93@gmail.com

**Sity Daud (PhD),**

Professor Madya di Pusat Penyelidikan Dasar, Politik dan Keselamatan,  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,  
Universiti Kebangsaan Malaysia.  
sitydaud@ukm.edu.my